

**Nadaminggu, Ahad, 25 Oktober, 1981**

## **Perutusan tahniah ke Austria**

**KUALA LUMPUR, Sabtu —** Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Presiden Austria, Encik Rudolf Kirch Schlager, sempena hari kebangsaan negara tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad juga mengirim perutusan yang sama kepada Chanselor Dr. Bruno Kreisky.

Dalam perutusan kepada rakan sejawatnya, Dr. Willibald P Pahr, Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, berkata beliau ingin mengukuhkan hubungan yang sedia ada antara kedua-dua negara. — (Bernama).

**Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia**